

25/05/1997

Pas kesal sikap pemilik tanah

KOTA BHARU: Kerajaan Pas Kelantan tidak puas hati sikap sesetengah pemilik tanah negeri itu yang tidak memberi kerjasama apabila tanah mereka hendak diambil balik oleh kerajaan untuk melaksanakan projek pembangunan.

Menteri Besar, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, berkata ada pemilik tanah yang sengaja menaikkan harga apabila tanah mereka hendak diambil balik, sedangkan sebelum ini tanah itu tidak diusahakan.

Menurutnya, tindakan itu amat dikesali terutama ketika Kerajaan Pusat dan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sendiri yang kini memberi sokongan yang mengagumkan untuk membangunkan negeri ini.

"Ada tuan tanah yang sengaja tak mahu jual tanah dan menuntut harga terlalu tinggi dan berubah-ubah setiap masa.

"Ini semacam tidak ada sokongan moral daripada pihak tuan tanah apabila kerajaan hendak melaksanakan sesuatu projek pembangunan di kawasan mereka. Sedangkan mereka menuduh kerajaan jika tidak buat kemajuan," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Badan Perhubungan Pas Kelantan di JKR 10, di sini, semalam.

Beliau yang juga Pengerusi Jawatankuasa Tanah, Perhutanan dan Sumber Asli berkata demikian sebagai mengulas projek bandar baru Pengkalan Kubur yang berharga RM2.3 bilion yang menimbulkan masalah berhubung pengambilan balik tanah.

Menurutnya, urusan pengambilan balik tanah bagi projek yang dilaksanakan secara penswastaan itu diserahkan kepada pihak pelabur yang mengendalikannya.

(END)